



KENYATAAN AKHBAR Press Release

MGTC Menggalakkan Lebih Banyak Syarikat Melaksanakan Sistem Pengurusan Tenaga Lestari Untuk Mengurangkan Impak Kenaikan Surcaj Elektrik

Bangi, 22 Disember 2022: Krisis tenaga di peringkat global telah memberikan tekanan yang belum pernah berlaku kepada industri bekalan elektrik disebabkan harga bahan api yang sangat tinggi. Oleh kerana itu Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar, dan Perubahan Iklim, YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad baru-baru ini mengumumkan pengguna tenaga elektrik bervoltan sederhana (MV) dan bervoltan tinggi (HV) dalam kalangan industri termasuk perbadanan multinasional (MNC) akan dikenakan surcaj pada kadar 20 sen/kWj bermula 1 Januari hingga 30 Jun 2023.

Untuk mengurangkan impak kenaikan ini di kalangan industri khususnya MNC, Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) menggalakkan semua syarikat yang terkesan untuk lebih bijak menguruskan penggunaan tenaga. Antara perkara yang boleh dilaksanakan ialah mendapatkan pensijilan Energy Management Gold Standard (EMGS) di bawah *ASEAN Energy Management Scheme (AEMAS)*. Pensijilan ini memastikan sesebuah organisasi melaksanakan sistem pengurusan tenaga lestari (SPTL) yang berperanan sebagai garis panduan asas untuk memastikan penggunaan tenaga secara cekap.

Sejak 2011, pensijilan EMGS ini telah menyaksikan sebanyak 173 organisasi berjaya mencatat RM63.59 juta penjimatan kos tenaga setahun, bersamaan pengurangan penggunaan tenaga sebanyak 174.23 GWj dan 99.87 ktCO₂e pengurangan pelepasan gas rumah kaca. Pensijilan ini juga telah membantu 154 fasiliti kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan mengurangkan kos operasi.

MGTC turut menawarkan latihan tentang penjimatan tenaga melalui program latihan kesedaran *Have We Done Enough to Save Energy Bills dan Energy and Water Management Programme*. Kedua-kedua program ini mendidik peserta cara-cara penjimatan tenaga yang boleh digunapakai sama ada di rumah mahupun di dalam organisasi. Selain itu peserta juga akan didedahkan kepada bagaimana pengurusan tenaga yang efisien dapat menyumbang kepada penjimatan tenaga dan menurunkan kos.

Dari segi pensijilan profesional pula, MGTC turut menawarkan kursus-kursus yang diiktiraf oleh *Asean Centre for Energy (ACE)* dan Suruhanjaya Tenaga Malaysia seperti kursus Pengurus Tenaga selain kursus *Certified Professional Measurement & Verification (CPMV)* dan *Certified Energy Auditor (CEA)*. Bagi mereka yang bukan dikalangan teknikal pula, beberapa kursus jangka pendek juga ditawarkan sebagai asas pengetahuan kepada pengurusan tenaga.

Inisiatif untuk menambah baik prestasi kecekapan tenaga bukan sahaja menyumbang kepada penjimatan kos operasi, malah mencerminkan kesedaran dan komitmen sesebuah organisasi dalam usaha mengurangkan impak operasi terhadap alam sekitar. Usaha ini selaras dengan aspirasi negara untuk memacu agenda kecekapan tenaga ke arah mencapai pelepasan sifar bersih karbon seawal 2050.

Ts Shamsul Bahar Mohd Nor
Ketua Pegawai Eksekutif MGTC

-TAMAT-

MALYSIAN GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE CHANGE CORPORATION [199801006110 (462237-T)]

(Formerly known as Malaysian Green Technology and Climate Change Centre)

No. 2, Jalan 9/10, Persiaran Usahawan, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

☎ +603-8921 0800 ☎ +6019-308 8286 ✉ info@mgtc.gov.my 🌐 www.mgtc.gov.my



Scan the QR Code
to visit website

Mengenai MGTC

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) adalah agensi Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar, dan Perubahan Iklim (NRECC) yang diberi mandat bagi memacu negara di dalam skop Mempercepatkan Pertumbuhan Hijau, Memajukan Mitigasi Perubahan Iklim dan Menyokong Budaya Gaya Hidup Hijau. Peranan utama MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau adalah berpandukan Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP). MGTC melaksanakan inisiatif dan program yang memberikan perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada Nationally Determined Contribution (NDC) iaitu mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) KDNK sebanyak 45% (tanpa syarat) menjelang 2030 berbanding KDNK pada tahun 2005, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjanaaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

Perhubungan Media

Farisha Zainol
Ketua Bahagian Komunikasi Korporat
MGTC
farisha@mgtc.gov.my
Tel: +6019-3275456